



28 Disember 2017
28 December 2017
P.U. (A) 422

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(PEMBEKALAN BERKADAR SIFAR)
(PINDAAN) (NO. 3) 2017

*GOODS AND SERVICES TAX (ZERO-RATED SUPPLY)
(AMENDMENT) (NO. 3) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PEMBEKALAN BERKADAR SIFAR)
(PINDAAN) (NO. 3) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 17 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pindaan) (No. 3) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Pindaan Jadual Kedua

2. Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 [*P.U. (A) 272/2014*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual Kedua dengan menggantikan butiran 27 dengan butiran yang berikut:

“27. Pembekalan perkhidmatan dalam talian bagi bahan bacaan di bawah kod tarif 49.01, 49.02, 4905.91.00 00 dan 4911.99.90 00 sebagaimana yang disenaraikan dalam Lampiran kepada Perintah ini.”.

Pindaan Lampiran

3. Perintah ibu dipinda dalam Lampiran dengan memotong kod tarif 4901.91.00 00, 4901.99, 4902.10.00 00 dan 4902.90.90 00 dan perihalan yang berhubungan dengannya.